



GARIS PANDUAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA



Garis Panduan

Cuti Belajar Bergaji Penuh

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

Cetakan Pertama November 2011

Diterbitkan oleh : Kementerian Pelajaran Malaysia

Hakcipta Terpelihara @ Kementerian Pelajaran Malaysia

Bahagian Tajaan Pendidikan
Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 1, Blok 2251, Jalan Usahawan 1
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan.

Tel : +603-83217100

Faks : +603-83217101

Laman sesawang : www.moe.gov.my

**JAWATANKUASA PENYEDIAAN
GARIS PANDUAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN**

PENASIHAT

Puan Ruhana binti Abd. Rahman
Setiausaha Bahagian
Bahagian Tajaan Pendidikan

PENGERUSI

Encik Shahrizan bin Ab Kadir
Ketua Penolong Setiausaha
Cawangan Latihan Dalam Perkhidmatan

SIDANG PENGARANG

Azlan bin Ibrahim
Nik Munerahanim binti Nik Muhammad
Suhana binti Ibrahim
Mohd Asfia bin Adenan
Zalina binti Morad
Sahida binti Abu Seman
Sainydatuladawiyah binti Ahmad Said
Irlyrizal Shah bin Yahya
Shuhaidah binti Mohd Shorkapeli
Noraffizan binti Abdullah

KANDUNGAN		MUKA SURAT
Kata-kata aluan Ketua Setiausaha		i
Kata-kata aluan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia		ii
Kandungan		
BAHAGIAN I	PENGENALAN	1
	TAFSIRAN	2
BAHAGIAN II	MAKLUMAT MENGENAI CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH	3
	A. Kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh	4
	B. Prinsip-prinsip Asas Pemberian Cuti Belajar Bergaji Penuh	6
	C. Syarat-syarat Pemberian Cuti Belajar Bergaji Penuh	7
	D. Status Perkhidmatan Semasa Cuti Belajar Bergaji Penuh	8
	E. Emolumen dan Elemen Biasiswa	9
	F. Tempoh Ikatan Kontrak dan Tuntutan Gantirugi	15
BAHAGIAN III	SENARAI TANGGUNGJAWAB PIHAK YANG TERLIBAT DENGAN URUSAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH	17
	A. Tanggungjawab Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	18
	B. Tanggungjawab Bahagian Tajaan Pendidikan	25
	C. Tanggungjawab Bahagian / Jabatan / Institut Pendidikan Guru / Jabatan Pelajaran Negeri / Pejabat Pelajaran Daerah / Gabungan / Sekolah	29
	D. Tanggungjawab Pihak Yang Menguruskan Penempatan Semula Setelah Tamat Cuti Belajar Bergaji Penuh	32
	E. Tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	34

BAHAGIAN IV PROSES KERJA DAN CARTA ALIRAN KERJA 36

A. Pemberian Cuti Belajar Bergaji Penuh	37
B. Pelanjutan Cuti Belajar Bergaji Penuh	43
C. Penangguhan Cuti Belajar Bergaji Penuh	45
D. Penyambungan Semula Cuti Belajar Bergaji Penuh	48
E. Menarik Diri Daripada Mengikuti Pengajian	51
F. Penempatan Semula Setelah Tamat Cuti Belajar Bergaji Penuh / Tamat Pengajian	53
G. Laporan Prestasi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	57
H. Proses Permohonan Ke Luar Negara Semasa Cuti Belajar Bergaji Penuh	60

BAHAGIAN V PENUTUP 62
AKRONIM 63



Kata-kata Aluan
**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Saya amat bersyukur kepada Allah Subhanawataala kerana dengan limpah kurniaNya dapatlah Buku Garis Panduan Cuti Belajar Bergaji Penuh ini diterbitkan oleh Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Penghasilan Buku Garis Panduan Cuti Belajar Bergaji Penuh ini dilihat sangat relevan dengan dasar KPM demi memartabatkan Profesion Keguruan. Matlamat KPM adalah untuk mempertingkatkan kualiti guru melalui program-program peningkatan akademik seperti program pensiswazahan dan pensarjanaan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Oleh itu, melalui garis panduan ini, KPM berharap akan dapat menambahbaik sistem penyampaian maklumat kepada PPP yang sedang dan akan menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi melalui kemudahan cuti belajar. Selain itu, garis panduan ini juga adalah sebagai dokumen rujukan yang dapat menjadi panduan kepada semua warga Kementerian amnya dan PPP khususnya untuk meningkatkan lagi kecekapan dalam pengurusan cuti belajar.

Harapan saya, melalui buku ini, PPP yang hendak bercuti belajar mahupun pegawai yang menguruskan dapat memahami keperluan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan sebelum, semasa dan selepas tempoh cuti belajar. Pemahaman terhadap perkara tersebut adalah sangat penting bagi memastikan pelaksanaan program KPM akan mencapai matlamatnya.

Sekian, Wassalam.



DATU' DR. ROSLI BIN MOHAMED
Ketua Setiausaha



Kata-kata Aluan

**KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh dan Salam Sejahtera.

Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia di atas inisiatif dan komitmen yang diberikan dalam menghasilkan Buku Garis Panduan Cuti Belajar Bergaji Penuh(CBBP). Penghasilan Buku Garis Panduan ini adalah salah satu strategi KPM untuk meningkatkan lagi pemahaman warganya terutama sekali bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) mengenai dasar-dasar CBBP.

Melalui penerbitan buku ini, diharap maklumat yang lebih jelas dan prosedur pengurusan cuti belajar dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan efisien. Sekaligus akan menggalakkan lebih ramai lagi PPP untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Sijil, Diploma Lanjutan, Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran. Selain itu, buku ini juga diharap menjadi panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam urusan CBBP di peringkat Bahagian, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Sekolah dan sebagainya.

Akhir kata, saya menyeru agar Bahagian Tajaan Pendidikan meneruskan usaha gigih dalam menyampaikan maklumat mengenai pengurusan Cuti Belajar bagi menyokong hasrat negara untuk membangunkan modal insan yang bersifat menyeluruh, progresif, bermoral dan beretika selain berpengetahuan dan berkemahiran.

Sekian, terima kasih

DATU' SRI ABD. GHAFAR BIN MAHMUD
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

PENGENALAN

Bahagian Tajaan Pendidikan (BT), Kementerian Pelajaran Malaysia adalah bertanggungjawab dalam menguruskan pemberian Biasiswa dan Pinjaman Pelajaran serta kemudahan Cuti Belajar kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang ingin menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi demi meningkatkan kemajuan kompetensi.

BT selaku Ketua Jabatan bagi PPP yang telah diluluskan CBBP adalah berperanan untuk menguruskan hal-hal perkhidmatan PPP sepanjang tempoh tersebut. Antaranya, perpindahan PPP ke Jawatan Latihan BT, pembayaran emolumen melalui peruntukan BT yang disalurkan kepada Bahagian/ Jabatan/ Jabatan Pelajaran Negeri. Selain itu, urusan pergerakan/ anjakan gaji PPP semasa CBBP dan permohonan ke luar negara turut dilaksanakan oleh BT.

Dalam melaksanakan urusan tersebut, BT menggunakan garis panduan dan dasar-dasar semasa yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) seperti prinsip-prinsip pemberian, syarat-syarat kelayakan, urusan pergerakan gaji tahunan semasa cuti belajar dan urusan perkhidmatan PPP sepanjang tempoh cuti belajar.

Bagi memudahkan pemahaman dan pelaksanaan proses yang lebih cekap, buku ini dibahagikan kepada 5 bahagian utama iaitu:

- Bahagian I : Pengenalan dan Tafsiran
- Bahagian II : Maklumat mengenai CBBP
- Bahagian III : Senarai dan Tanggungjawab Pihak Yang Terlibat Dengan Urusan Cuti Belajar
- Bahagian IV : Proses Kerja dan Carta Aliran Kerja
- Bahagian V : Penutup

Secara kesimpulannya, kemudahan biasiswa dan CBBP yang diberikan kepada PPP telah dijelaskan secara terperinci dan diterjemahkan melalui penerbitan buku ini. Semua warga KPM diharap dapat memanfaatkan buku ini untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan dalam pengurusan cuti belajar serta memastikan ianya dilaksanakan dengan cekap dan teratur.

TAFSIRAN

Bagi tujuan Garis Panduan ini:

1. **"Biasiswa"** bermakna wang yang diperuntukkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bagi membiayai yuran pengajian, elaun sara hidup dan kemudahan-kemudahan lain semasa dalam tempoh berkursus;
2. **"Biasiswa Selain KPM"** bermakna wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan selain KPM, Kerajaan Asing atau Badan Antarabangsa bagi membiayai yuran pengajian, elaun sara hidup dan kemudahan-kemudahan lain semasa dalam tempoh berkursus;
3. **"Cuti Belajar"** (dalam Perintah Am Bab C 1974 disebut sebagai Cuti Berkursus) bermakna cuti yang diluluskan oleh Kerajaan kepada seseorang pegawai bagi mengikuti kursus jangka sederhana dan kursus jangka panjang secara sepenuh masa. Dalam tempoh tersebut, pegawai dibenarkan meninggalkan tugas untuk berkursus dan tidak dikira sebagai putus perkhidmatan atau sebagai berhenti kerja;
4. **"Kursus"** bermakna sebarang kursus atau latihan berbentuk akademik atau kemahiran atau kepakaran, latihan amali/ latihan praktikal, program sangkutan/internship;
5. **"Kursus Jangka Sederhana"** bermakna kursus sepenuh masa yang tempohnya melebihi tiga (3) bulan tetapi tidak melebihi dua belas (12) bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik;
6. **"Kursus Jangka Panjang"** bermakna bermakna kursus sepenuh masa yang tempohnya melebihi dua belas (12) bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik;
7. **"Tempoh Cuti Belajar"** bermakna suatu tempoh yang diluluskan meliputi:
 - a) Tempoh kursus yang diikuti termasuk hari kelepasan mingguan, hari kelepasan am dan cuti akademik yang jatuh dalam masa kursus itu;
 - b) Tempoh perjalanan ke tempat kursus dan perjalanan balik selepas kursus mengikut jalan yang paling dekat; dan atau
 - c) Tempoh menunggu di luar negara yang tidak dapat dielakkan kerana urusan perjalanan setempat (Perintah Am 36 Bab C 1974).

BAHAGIAN II

MAKLUMAT MENGENAI CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH	
A.	Kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh
B.	Prinsip-prinsip Asas Pemberian Cuti Belajar Bergaji Penuh
C.	Syarat-syarat Pemberian Cuti Belajar Bergaji Penuh
D.	Status Perkhidmatan Semasa Cuti Belajar Bergaji Penuh
E.	Emolumen dan Elemen Biasiswa
F.	Tempoh Ikatan Kontrak dan Tuntutan Gantirugi

A. KEMUDAHAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH

Definisi

1. Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) adalah cuti yang diluluskan oleh pihak berkuasa melulus kepada PPP untuk mengikuti kursus atau pengajian di mana dalam tempoh tersebut pegawai dibayar gaji, imbuhan tetap dan lain-lain elaun yang berkelayakan mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan sama ada dengan atau tanpa biasiswa.

Prinsip

2. CBBP diberikan kepada PPP untuk mengikuti kursus bagi peningkatan kompetensi dan bukan kemajuan kerjaya dimana kelayakan yang diperolehi tidak melayakkan pegawai dilantik ke kumpulan perkhidmatan yang lebih tinggi.
3. Pegawai layak mendapat kemudahan CBBP maksimum dua kali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan bagi mengikuti kursus jangka panjang.

Kemudahan CBBP

4. CBBP merupakan kemudahan yang disediakan kepada PPP untuk mengikuti pengajian di peringkat Sijil, Diploma Lanjutan dan Ijazah Lanjutan dalam bidang yang dibenarkan oleh KPM secara sepenuh masa di Institusi Pengajian dalam negara dan luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
5. BT dipertanggungjawab untuk menguruskan pemberian atau kemudahan CBBP bagi PPP di bawah KPM. Kemudahan ini terbahagi kepada empat (4) kategori di Jadual 1.

Jadual 1 : Kemudahan CBBP Yang Ditawarkan Kepada PPP

Kategori	Program Yang Ditawarkan	Peringkat Pengajian	Pembiayaan
CBBP Dengan Biasiswa	Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)	Kedoktoran Sarjana	Dengan Biasiswa
	Diploma Lanjutan Dalam Penyalahgunaan Dadah/Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah)	Sarjana	
	Sarjana Kepernetahuan	Sarjana	
CBBP Separa Biasiswa	Program Spouse (Atas Merit)	Kedoktoran Sarjana	Separa Biasiswa
CBBP Tanpa Biasiswa	Program Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBP TB)	Kedoktoran Sarjana	Tiada
	Program Bahasa-bahasa Antarabangsa – Teaching Japaneses As A Foreign Language	Sijil	Tiada
CBBP Dengan Biasiswa Selain KPM	Program Tajaan Kerajaan Asing atau Badan Antarabangsa	Kedoktoran Sarjana Sijil	Kerajaan Asing atau Badan Antarabangsa

B) PRINSIP-PRINSIP ASAS PEMBERIAN CBBP

1. Pegawai layak diberi kemudahan CBBP maksimum dua kali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan bagi mengikuti kursus jangka panjang;
2. Kursus yang diikuti mestilah pada peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik yang telah dimiliki;
3. Pegawai yang telah mengikuti cuti belajar kurang 12 bulan tetapi melebihi 3 bulan di dalam atau di luar negara, boleh dipertimbangkan cuti belajar selepas genap satu (1) tahun tamat mengikuti kursus yang terdahulu dengan jayanya;
4. Pegawai yang telah mengikuti cuti belajar melebihi 12 bulan di dalam atau di luar negara, boleh dipertimbangkan cuti belajar selepas genap dua (2) tahun tamat mengikuti kursus yang terdahulu dengan jayanya;
5. Pegawai yang sedang bercuti belajar dan dikenakan tindakan tatatertib/disiplin atau tindakan mahkamah akan ditamatkan cuti belajar;
6. Pegawai yang menarik diri tanpa izin/kelulusan daripada mengikuti kursus/pengajian setelah diluluskan CBBP tidak layak dipertimbangkan untuk cuti belajar berikutnya;
7. Pegawai yang pernah diluluskan CBBP tetapi gagal kerana kelemahan akademik tidak layak diberi kemudahan CBBP lagi;
8. Pegawai yang diluluskan cuti belajar masih tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan lain-lain peraturan yang berkuatkuasa;
9. Tempoh cuti belajar tidak boleh diambil kira sebagai tempoh sedang berkhidmat bagi tujuan menyelesaikan tempoh ikatan perjanjian sebelumnya atau tempoh perkhidmatan wajib seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang melainkan dinyatakan sebaliknya;
10. Pegawai akan dikenakan ikatan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan, sekiranya melanggar syarat-syarat dalam perjanjian akan dikenakan tuntutan gantirugi.

C) SYARAT-SYARAT PEMBERIAN CBBP

1. PPP yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap;
2. Telah disahkan dalam perkhidmatan semasa;
3. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun dalam gred DG41/ DG3
4. Syarat had umur adalah di Jadual 2 dibawah:

Jadual 2 : Syarat Had Umur Permohonan CBBP

Jangka Kursus	Peringkat	Had Umur
Jangka Panjang Dengan Biasiswa	Kedoktoran Sarjana	Tidak melebihi 40 tahun
Jangka Panjang Tanpa Biasiswa/ Biasiswa Selain KPM	Kedoktoran	Tidak melebihi 44 tahun
	Sarjana	Tidak melebihi 46 tahun
	Sijil	Tidak melebihi 50 tahun
Jangka Sederhana	Sijil	Tidak melebihi 46 tahun

Nota : Walau bagaimanapun, terdapat juga syarat had umur bagi setiap program tertakluk kepada iklan tawaran.

5. Memperolehi markah purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 85% bagi tempoh genap tiga (3) tahun kalendar berturut-turut (Penilaian setahun LNPT genap 12 bulan);
6. Mendapat sokongan dan perakuan Ketua Jabatan (KJ);
7. Bebas daripada tindakan tatatertib, bersih daripada pertuduhan tatatertib dan bebas daripada kes mahkamah;
8. Telah membuat perisytiharan harta dalam tempoh lima (5) tahun sebelum tarikh cuti belajar berkuatkuasa;
9. Bebas daripada disenaraikan/ tersenarai sebagai peminjam tegar oleh institusi seperti KPM, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan lain-lain;

10. Belum memiliki kelayakan di peringkat pengajian yang sama tanpa mengira bidang pengkhususan; dan
11. Telah menyempurnakan ikatan perjanjian berkhidmat dengan KPM selepas menamatkan kursus terdahulu.

D) STATUS PERKHIDMATAN PPP SEMASA CBBP

Pegawai yang diluluskan CBBP akan tertakluk kepada peraturan-peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa seperti Jadual 3.

Jadual 3 : Status Perkhidmatan PPP Semasa CBBP

Bil.	Perkara	Status Perkhidmatan
1.	Status Jawatan	<ul style="list-style-type: none"> • PPP mengisi Jawatan Latihan BT <ul style="list-style-type: none"> - Ketua Jabatan baru adalah BT - Kekosongan jawatan PPP perlu dibuat pengisian semula • PPP tidak mengisi Jawatan Latihan (bagi PPP yang diluluskan cuti belajar tidak melebihi 180 hari) <ul style="list-style-type: none"> - Ketua Jabatan asal (sebelum cuti belajar) - Kekosongan jawatan akan ditanggung kerja oleh pegawai lain - Emolumen menggunakan peruntukan Jabatan asal - Melapor diri di BT selepas tamat CBBP atau tamat kursus (mana yang terdahulu)
2.	Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK)	<ul style="list-style-type: none"> • BPK adalah kekal di Jabatan asal (Bahagian/Jabatan/ IPG /JPN/Sekolah) • Pengemaskinian BPK adalah tanggungjawab Ketua Jabatan asal
3.	Faedah Persaraan	<ul style="list-style-type: none"> • Tempoh Cuti Belajar boleh dimasukkan kira bagi tujuan pengiraan faedah persaraan atau faedah terbitan sepertimana diperuntukkan di bawah undang-undang pencen yang berkuatkuasa

Bil.	Perkara	Status Perkhidmatan
4.	Pemangkuan, Kekananan dan Kenaikan Pangkat	<ul style="list-style-type: none"> • PPP yang sedang memangku apabila diluluskan CBBP yang melebihi 92 hari akan hilang kelayakan pemangkuannya sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1993 • Tempoh CBBP tidak menjejaskan kekananan • PPP boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat dalam tempoh cuti belajar sekiranya memenuhi syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan
5.	Pergerakan Gaji Tahunan	<ul style="list-style-type: none"> • PPP yang diluluskan CBBP layak dipertimbangkan pergerakan gaji sebenar sepanjang tempoh kursus sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2002

E) EMOLUMEN DAN ELEMEN BIASISWA

1. PPP yang telah diluluskan CBBP layak menerima imbuhan/elaun lain dengan kadar penuh daripada jumlah yang berkelayakan. Namun pelarasan gaji dan elaun hendaklah dibuat kerana sepanjang tempoh tersebut terdapat elaun yang layak diterima adalah di Jadual 4 dan tidak layak diterima adalah di Jadual 5 dan tuntutan yang layak dituntut adalah di Jadual 6.

Jadual 4 : Emolumen Yang Layak Diterima Semasa CBBP

Emolumen Layak	Catatan
Gaji	Kadar penuh
Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) atau Imbuhan Tetap Keraian (ITK)	Kadar penuh
Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) atau Elaun Bantuan Sewa Rumah (EBSR)	Boleh memilih sama ada ITP atau EBSR jika menerima biasiswa

Emolumen Layak	Catatan
Elaun Bantuan Sara Hidup (COLA)	<p>Jumlah yang diterima adalah mengikut kadar lokasi tempat pengajian bagi pengajian di dalam negara sahaja termasuk Sabah, Sarawak dan Labuan</p> <p>Pekeliling Biasiswa Bil. 1 Tahun 2007 Surat Edaran JPA bil. JPA(S) 53/57/2 Klt.8(97) bertarikh 8 Februari 2010</p>

Jadual 5 : Emolumen Yang Tidak Layak Diterima Semasa CBBP

Emolumen Layak	Catatan
Elaun Memangku	Hilang kelayakan elaun memangku apabila diluluskan Cuti Belajar melebihi 92 hari
Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK)	Tidak diberikan kepada pegawai yang mengikuti kursus melebihi 3 bulan
Bayaran Insentif Subjek Pendidikan (BISP)	Tidak diberikan kepada pegawai yang mengikuti kursus melebihi 3 bulan
Bayaran Insentif Wilayah (BIW)	PPP yang mengikuti cuti belajar dalam negara akan dibayar COLA untuk menggantikan BIW
Elaun Perumahan Wilayah (EPW)	Tidak diberikan kepada pegawai yang mengikuti kursus melebihi 3 bulan
Elaun Pengetua/Guru Besar	Tidak menjalankan tugas tersebut semasa CBBP

Jadual 6 : Tuntutan Yang Layak Dituntut Semasa CBBP

Tuntutan Layak	Catatan
Tuntutan Pindah Barang/Pemberian Pindahan	Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1995
Tuntutan Perjalanan Pergi Balik sebelum dan selepas kursus	Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1995
Tuntutan Bayaran Visa dan Pasport	Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007

2. PPP yang menerima kemudahan biasiswa daripada KPM akan menerima elemen biasiswa di Jadual 7. Manakala PPP yang menerima biasiswa daripada Selain KPM akan tertakluk kepada penaja tersebut.

Jadual 7 : Elemen Biasiswa Yang Diterima

Elemen Biasiswa	Maklumat
Yuran Pengajian	<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran terus kepada Universiti/Institusi • Yuran yang boleh dan tidak boleh dibayar adalah di Jadual 8.
Elaun Penempatan	<ul style="list-style-type: none"> • Dibayar pada awal pengajian • Dibayar sekali sepanjang tempoh pengajian • Peringkat Ijazah lanjutan sahaja
Elaun Sara Hidup (ESH)	<ul style="list-style-type: none"> • Elaun bagi menampung kos perbelanjaan, tempat penginapan, pengangkutan, alat-alat tulis, pakaian, rekreasi dan perbelanjaan runcit • Dibayar secara bulanan
Elaun Bantuan Keluarga (EBK)	<ul style="list-style-type: none"> • Elaun sebagai bantuan untuk menampung perbelanjaan keluarganya • Mengikuti kursus yang melebihi 12 bulan • Dibayar secara bulanan • PPP yang berpindah sahaja

Elemen Biasiswa	Maklumat
Elaun Bantuan Sewa Rumah (EBSR)	<ul style="list-style-type: none"> • Elaun sebagai bantuan untuk membayar sewa rumah di tempat kursus apabila keluarga berpindah bersama • Mengikuti kursus yang melebihi 12 bulan • PPP boleh membuat pilihan samada memilih ITP di bawah gaji atau EBSR di bawah Biasiswa • Dibayar secara bulanan
Elaun Buku (EB)	<ul style="list-style-type: none"> • Elaun bagi menampung pembelian buku-buku teks/pengajian yang diperlukan semasa pembelajaran • Mengikuti kursus selama 9 bulan atau lebih • Bayaran setahun sekali • Bayaran proportionate jika baki tempoh pengajian kurang 12 bulan • Pelanjutan tempoh CB tidak layak terima EB
Elaun Alat Perkakas (EAP)	<ul style="list-style-type: none"> • Elaun bagi menampung perbelanjaan pembelian alat-alat yang berkaitan dengan kursus seperti mesin kira, disket komputer dan sebagainya • Mengikuti kursus selama 9 bulan atau lebih • Bayaran setahun sekali • Bayaran Proportionate jika baki tempoh pengajian kurang 12 bulan
Elaun Seminar / Kolokium / Persidangan	<ul style="list-style-type: none"> • PPP merupakan pembentang kertas kerja • Peringkat Ijazah Kedoktoran sahaja • Bayaran sekali sahaja
Elaun Latihan Amali/ Klinikal/Kerja Lapangan/ Posting Elektif	<ul style="list-style-type: none"> • Elaun dibayar berdasarkan hari tidak termasuk hari cuti awam/umum • Jarak antara Universiti/rumah dengan tempat latihan melebihi 25 km mana yang terdekat • Tempoh latihan tidak melebihi 3 bulan • Latihan adalah diwajibkan • Tambang dibayar sekali pada awal dan sekali pada akhir latihan

Elemen Biasiswa	Maklumat
Elaun Akhir Pengajian	<ul style="list-style-type: none">• Elaun untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan yang berkaitan dengan tamat pengajian• Sekali sepanjang tempoh pengajian• Dibayar pada akhir pengajian
Elaun Pakaian Panas	<ul style="list-style-type: none">• Dibayar sekali dalam tempoh 3 tahun• Dibayar kepada PPP, pasangan dan anak (terhad kepada 3 orang anak sahaja)
Elaun Tesis	<ul style="list-style-type: none">• Elaun bagi menampung perbelanjaan penyediaan tesis• Tesis tersebut diwajibkan oleh pihak universiti• Sekali sepanjang tempoh pengajian• Dibayar setelah kemuka tesis

Jadual 8 : Bayaran Yuran Yang Dibayar Dan Tidak Dibayar

Bayar	Tidak Dibayar (ditanggung oleh PPP)
<ul style="list-style-type: none"> • Yuran Pengajian/pengajaran • Yuran Pendaftaran/ Yuran Berulang • Kad Kampus/Kad Matrik/ Smart Card • Yuran Perpustakaan/Keahlian • Yuran Perpustakaan • Yuran Peperiksaan • Yuran Perkhidmatan • Yuran KoKurikulum • Kebajikan/Persatuan/Alumni/ Aktiviti/ Khairat • Yuran Kelengkapan • Tabung Pengurusan MPA • Yuran Pencalonan • Yuran Graduasi • Yuran Pemeriksaan / Yuran Tesis / Amanah Komputer / Tabung Kecemasan • Yuran Penyelidikan • Yuran Intersesi (Yuran Subjek) 	<ul style="list-style-type: none"> • Insuran Kesihatan/Yuran • Perlindungan Insuran/Insuran • Takaful • Yuran Pergajian/Yuran Kesihatan • Semua Jenis Cagaran • Wang Hemat diri • Segala Jenis Nota Kursus / Nota Calon / Jurnal / Majalah / Buku Panduan / Bahan Makmal / Yuran Peralatan

F) IKATAN PERJANJIAN BERKHIDMAT DAN TUNTUTAN GANTIRUGI

1. PPP akan dikenakan ikatan kontrak berkhidmat dengan KPM bagi tempoh yang ditetapkan dan sekiranya melanggar syarat-syarat dalam perjanjian akan dikenakan tuntutan gantirugi di Jadual 9.

Jadual 9 : Tempoh Kontrak dan Tuntutan Gantirugi

Kemudahan	Tempoh Pengajian	Tempoh Ikatan Perjanjian	Jumlah Gantirugi (RINGGIT MALAYSIA)	
		Kursus bukan profesional	Dalam Negeri	Luar Negeri
CBBP DENGAN BIASISWA	Peringkat Sijil/Diploma Lepas/Ijazah/Ijazah Lanjutan			
	Lebih 3 bulan hingga 1 tahun	2 Tahun	RM40,000	Kos Sebenar
	Lebih 1 tahun hingga 2 tahun	4 Tahun	RM100,000	Kos Sebenar
	Lebih 2 tahun hingga 3 tahun	5 Tahun	RM120,000	Kos Sebenar
	Lebih 3 tahun	6 Tahun	RM160,000	Kos Sebenar
CBBP LAIN-LAIN KATEGORI	Peringkat Sijil/Diploma Lepas/Ijazah/Ijazah Lanjutan			
	Lebih 3 bulan hingga 1 tahun	1 Tahun	RM25,000	Kos Sebenar
	Lebih 1 tahun hingga 2 tahun	2 Tahun	RM50,000	Kos Sebenar
	Lebih 2 tahun hingga 3 tahun	3 Tahun	RM60,000	Kos Sebenar
	Lebih 3 tahun	4 Tahun	RM80,000	Kos Sebenar

Nota :

- (a) Peraturan ini berkuatkuasa mulai 2 Julai 2003 dan tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuatkuasa
- (b) CBBP Lain-lain kategori adalah termasuk Program CBBP Dengan Separa Biasiswa, CBBP Dengan Biasiswa Selain KPM atau CBBP Tanpa Biasiswa
- (c) Kos sebenar merangkumi segala perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Pihak Kerajaan termasuk segala jenis yuran, elaun dan perbelanjaan tiket kapalterbang (sekiranya ada)

BAHAGIAN III

SENARAI TANGGUNGJAWAB PIHAK YANG TERLIBAT DENGAN URUSAN CBBP	
A.	Tanggungjawab Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
B.	Tanggungjawab Bahagian Tajaan Pendidikan
C.	Tanggungjawab Bahagian / Jabatan / Institut Pendidikan Guru / Jabatan Pelajaran Negeri / Pejabat Pelajaran Daerah / Sekolah
D.	Tanggungjawab Pihak Penganjur Kursus Selain BT
E.	Tanggungjawab Pihak Yang Menguruskan Penempatan Semula Setelah Tamat CBBP
F.	Tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

A) TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

Bil.	Peranan / Tanggungjawab	Pihak Terlibat	Catatan
1.	<p><u>Permohonan CBBP</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Mengemukakan permohonan CBBP sebelum tarikh tutup iklan yang disiarkan oleh BT / BPG Permohonan HLP dan CBBP TB hendaklah dibuat secara <i>online</i> melalui laman sesawang KPM 	<p>BT Bahagian Jabatan IPG JPN PPD Sekolah</p> <p>Ketua Jabatan</p>	<p>Dokumen berkaitan:</p> <p>(Program HLP dan CBBP TB)</p> <p>i. Borang KPM(BT)LD-1/2010 (Pindaan 2009)</p> <p>(Program-program lain)</p> <p>i. Borang Permohonan Cuti Belajar KPM (BT) LD 1/2011</p> <p>ii. Borang Perakuan Ketua Jabatan Bagi Permohonan Cuti Belajar KPM (BT) LD 2/2011</p> <p>iii. Borang Kedudukan Kewangan Sebelum Cuti Belajar KPM (BT) LD 3/2011</p> <p>iv. Borang Maklumat Pinjaman Pendidikan / Tabung Pendidikan KPM (BT) LD 4/2011</p> <p>v. Borang Maklumat Politik Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bagi Permohonan Cuti Belajar / Basiswa / Pinjaman Pendidikan KPM (BT) LD 5/2011</p> <p>(Borang boleh dimuat turun melalui laman sesawang KPM)</p>

Bil.	Peranan / Tanggungjawab	Pihak Terlibat	Catatan
2.	<p><u>Surat Tawaran Universiti</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Mengemukakan Surat Tawaran Universiti ke BT 	BT Universiti	<p>Surat tawaran mengandungi:</p> <ol style="list-style-type: none"> Tarikh pendaftaran / kemasukan universiti Tempoh pengajian Bidang kursus Mod pengajian sepenuh masa
3.	<p><u>Surat Kelulusan CBBP</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Memastikan tempoh kelulusan Cuti Belajar direkodkan dalam BPK Meninggalkan tempat bertugas mengikut tarikh kelulusan Cuti Belajar 	BT Bahagian Jabatan IPG JPN Sekolah	Kelulusan Cuti Belajar PPP adalah mengikut tarikh pendaftaran pengajian / kursus
4.	<p><u>Kursus Kenegaraan Anjuran Biro Tatanegara (BTN)</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Hadir dan Lulus Kursus Kenegaraan anjuran BTN pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan 	BT BTN	PPP yang akan mengikuti pengajian di luar negara bagi kursus / pengajian yang melebihi 6 bulan sahaja
5.	<p><u>Borang Perjanjian CBBP</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Mengisi dan mengemukakan Borang Perjanjian yang lengkap ke BT dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan surat kelulusan CBBP Mengisi dan mengemukakan Borang Perjanjian yang lengkap ke BT sebaik sahaja mendaftar pengajian di Universiti 	BT Penjamin	<p>Dokumen berkaitan:</p> <ol style="list-style-type: none"> Borang Perjanjian Hadiah Latihan Persekutuan KP.LDP/HLP Borang Perjanjian Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa KP.LDP/CBBP/TB

Bil.	Peranan / Tanggungjawab	Pihak Terlibat	Catatan
	(Program HLP & CBBP TB)		iii. Borang Perjanjian Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa Selain KPM KP.LDP/CBBP/DB(SK)
6.	<p><u>Mengikuti pengajian yang ditetapkan dengan jayanya</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Memastikan bidang yang diikuti di universiti adalah sama dengan bidang yang diluluskan oleh KPM Memberi komitmen terhadap pengajian dan mematuhi peraturan-peraturan yang berkaitan sebagai pelajar universiti, PPP yang sedang Cuti Belajar serta sebagai Penjawat Awam 	BT	<p>Peraturan-peraturan yang terlibat:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 ii. Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) iii. Tema dan syarat CBBP iv. Peraturan-peraturan lain yang berkuat kuasa
7.	<p><u>Keputusan Peperiksaan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Mengemukakan salinan keputusan peperiksaan ke BT setiap semester dalam tempoh 2 minggu selepas keputusan diumumkan <p><u>Laporan Kemajuan Kursus</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Mengemukakan laporan kemajuan kursus yang disahkan oleh Universiti ke BT setiap 6 bulan <p><u>Perubahan Maklumat</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Memaklumkan kepada BT perubahan maklumat PPP dengan kadar segera 	BT	<p>Perubahan maklumat PPP seperti :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tarikh kelulusan perisytiharan harta terkini (jika tamat tempoh sah laku perisytiharan harta terdahulu semasa CBBP) ii. Pertukaran status jawatan iii. Pertukaran alamat surat menyurat

Bil.	Peranan / Tanggungjawab	Pihak Terlibat	Catatan
8.	<p><u>Laporan Prestasi Tahunan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> M e n g e m u k a k a n Performance Appraisal On Officer Attending Course (P.S.D Form (Performance) 6/93) yang lengkap diisi ke BT melalui Bahagian HEP Universiti / IPG / Pusat Pengajian Siswazah / Penyelaras Program selewat-lewatnya 15 Januari tahun berikutnya 	<p>BT IPG Universiti</p> <p>Penyelaras Program</p>	<p>Dokumen berkaitan:</p> <p>i. P.S.D. FORM (Performance) 6/93</p> <p>Borang P.S.D. FORM (Performance) 6/93 menggantikan Borang Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) semasa Cuti Belajar</p>
9.	<p><u>Permohonan Menarik Diri Daripada Mengikuti Pengajian</u></p> <ul style="list-style-type: none"> M e n g e m u k a k a n permohonan menarik diri daripada mengikuti pengajian sekurang-kurangnya 14 hari selepas keputusan menarik diri diluluskan oleh Universiti atau mendapat pengesahan Pegawai Perubatan Kerajaan Permohonan menarik diri daripada pengajian hanya dipertimbangkan atas sebab-sebab masalah kesihatan sahaja 	<p>BT Universiti Hospital Kerajaan</p>	<p>Dokumen berkaitan:</p> <p>i. Surat permohonan menarik diri daripada PPP</p> <p>ii. Surat kebenaran / sokongan daripada Universiti</p> <p>iii. Surat pengesahan status kesihatan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan</p>
10.	<p><u>Permohonan Pelanjutan Tempoh CBBP</u></p> <ul style="list-style-type: none"> M e n g e m u k a k a n permohonan pelanjutan sekurang-kurangnya 4 bulan sebelum tamat tempoh Cuti Belajar (permohonan 	<p>BT Universiti</p>	<p>Dokumen berkaitan:</p> <p>i. Borang Permohonan Pelanjutan Tempoh CBBP KPM.BT (LD)10/2011</p>

Bil.	Peranan / Tanggungjawab	Pihak Terlibat	Catatan
	<p>lewat tidak akan dipertimbangkan)</p>		<ul style="list-style-type: none"> ii. Surat sokongan daripada Penyelia / Dekan Universiti iii. Jadual perancangan pengajian yang disahkan oleh Penyelia / Universiti iv. Salinan keputusan peperiksaan keseluruhan yang dikeluarkan oleh Universiti v. Salinan surat kelulusan Cuti Belajar yang asal / pelanjutan vi. Laporan pengajian kursus yang terkini
11.	<p><u>Permohonan Penangguhan CBBP</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • M e n g e m u k a k a n permohonan penangguhan dalam tempoh 14 hari atas sebab kesihatan yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan 	<p>BT Universiti</p> <p>Hospital Kerajaan</p>	<p>Dokumen berkaitan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Surat permohonan penangguhan daripada PPP ii. Surat sokongan daripada Universiti iii. Laporan perubatan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan iv. Salinan surat kelulusan Cuti Belajar yang asal / pelanjutan

Bil.	Peranan / Tanggungjawab	Pihak Terlibat	Catatan
12.	<p><u>Permohonan penyambungan CBBP</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • PPP mengemukakan permohonan penyambungan CBBP ke BT untuk kelulusan dalam tempoh 7 hari selepas mendapat keputusan peperiksaan semester akhir 	BT Universiti	<p>Dokumen berkaitan:</p> <ol style="list-style-type: none"> Surat permohonan penangguhan daripada PPP Surat sokongan daripada Universiti Jadual perancangan pengajian yang disahkan oleh penyelia universiti Salinan kelulusan peperiksaan keseluruhan Salinan surat kelulusan Cuti Belajar yang asal / pelanjutan
13.	<p><u>Permohonan Keluar Negara Semasa Tempoh CBBP</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • PPP hendaklah mengemukakan permohonan ke BT sekiranya ingin ke luar negara semasa dalam tempoh CBBP dalam tempoh: <ol style="list-style-type: none"> 1 bulan jika keluar negara atas perbelanjaan sendiri atau dalam tempoh 2 bulan jika ke luar negara jika perbelanjaan ditanggung oleh Kerajaan 	BT BKP B.Kew KDN	<p>Dokumen berkaitan:</p> <ol style="list-style-type: none"> Borang Permohonan Ke Luar Negara dan Kemudahan Perlindungan Insurans Kesihatan di Luar Negara

Bil.	Peranan / Tanggungjawab	Pihak Terlibat	Catatan
14.	<p><u>Permohonan Penempatan Semula</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <p>Tamat Pengajian</p> <p><u>Lapor Diri Individu</u> Melapor diri di BT setelah tamat tempoh Cuti Belajar atau tamat pengajian atau mana yang terdahulu</p> <p><u>Lapor Diri Berkumpulan</u> (bagi Program yang mula dan tamat cuti belajar serentak seperti Sarjana Keperguruan)</p> <p>PPP melengkapkan dan mengemukakan Borang Penempatan Semula ke BT selewat-lewatnya 4 bulan sebelum tamat pengajian</p> <p>Gagal Dan Diberhentikan PPP dikehendaki melapor diri sehari selepas menerima surat pengesahan diberhentikan daripada pihak universiti</p> <p>Menarik Diri Daripada Pengajian PPP dikehendaki melapor diri sehari selepas menerima surat kelulusan menarik diri daripada BT</p> 	<p>BT BPSM IPGM BPSH BPTV BPK BPI Universiti</p>	<p>Dokumen berkaitan:</p> <ol style="list-style-type: none"> Borang Lapor Diri Setelah Tamat Kursus / Cuti Belajar KPM.BT (LD)12/2011 Surat pengesahan status pengajian oleh Universiti Surat Kelulusan Menarik Diri daripada BT <p>Penempatan semula adalah tertakluk kepada tarikh tamat CBBP atau tamat pengajian atau mana yang terdahulu</p> <ol style="list-style-type: none"> PPP yang mengikuti pengajian di Luar Negara dan Semenanjung Malaysia dikehendaki melapor diri di BT PPP yang bertugas di Sabah, Sarawak, Labuan dan mengikuti pengajian di Sabah dan Sarawak dikehendaki melapor diri di JPN Sabah / Sarawak / Labuan PPP yang bertugas di Semenanjung Malaysia dan mengikuti pengajian di Semenanjung Malaysia, Sabah atau Sarawak dikehendaki melapor diri di BT

B) TANGGUNGJAWAB BAHAGIAN TAJAAN PENDIDIKAN

Bil.	Peranan / Tanggungjawab	Pihak Terlibat	Catatan
1.	<p><u>Unjuran Senarai Bidang Kursus</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Mendapatkan unjuran senarai bidang kursus yang dibenarkan oleh KPM daripada bahagian yang berkaitan 	BPG BPPDP	Senarai unjuran bidang adalah berdasarkan kepada keperluan semasa KPM
2.	<p><u>Makluman Tawaran CBBP</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Memaklumkan tawaran CBBP melalui Surat Edaran kepada Bahagian / JPN, siaran iklan dalam akhbar tempatan dan laman sesawang KPM 	Bahagian Jabatan IPG JPN PPD Sekolah	Dokumen berkaitan: <ul style="list-style-type: none"> i. Surat Edaran ii. Iklan tawaran CBBP iii. Borang permohonan online
3.	<p><u>Menyemak Permohonan CBBP</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Menyemak permohonan CBBP dan membuat perakuan untuk pertimbangan dan kelulusan KSU, KPM Mengemukakan surat kelulusan CBBP dan dokumen berkaitan kepada PPP dan salinan kepada Bahagian / JPN / tempat bertugas sebelum Cuti Belajar Menyemak borang permohonan bagi PPP yang mengemukakan permohonan pencalonan bagi program yang ditawarkan oleh selain KPM seperti JPA / Kerajaan Asing / Badan Antarabangsa 	Bahagian JPN KJ	Dokumen berkaitan: <ul style="list-style-type: none"> i. Borang Permohonan CBBP ii. Borang Perjanjian CBBP Dokumen berkaitan: <ul style="list-style-type: none"> i. Borang Laporan Jawatankuasa Latihan Kementerian JPA(L)LDP 1A/96

Bil.	Peranan / Tanggungjawab	Pihak Terlibat	Catatan
3.	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan perakuan Laporan Jawatankuasa Latihan bagi permohonan yang layak (bagi program yang diterima oleh JPA / Kerajaan Asing / Bahasa-bahasa Antarabangsa) • M e n g e m u k a k a n permohonan pencalonan ke JPA 		i. Borang yang dikehendaki oleh pihak penaja
4.	<p><u>Memproses Borang Perjanjian</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Menerima dan memproses Borang Perjanjian: <ul style="list-style-type: none"> - menyemak borang & mengembalikan jika tidak lengkap - menandatangani perjanjian bagi pihak kerajaan dan saksi kerajaan • Mengemukakan Borang Perjanjian CBBP kepada PPP dan salinan kepada Penjamin 	PPP Penjamin	Dokumen berkaitan: i. Borang Perjanjian
5.	<p><u>Pemantauan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • M e l a k s a n a k a n pemantauan berkala ke atas PPP dalam aspek: <ul style="list-style-type: none"> - Akademik - Perkhidmatan • Menyediakan laporan hasil pemantauan dan membentangkan ke Mesyuarat Lembaga Biasiswa 	BPSH BPSM JPN Universiti IPGM BPPDP PPP	

Bil.	Peranan / Tanggungjawab	Pihak Terlibat	Catatan
6.	<p><u>Menguruskan Laporan Prestasi Tahunan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Membuat pengiraan markah prestasi PPP (pemarkahan adalah berasaskan kepada penilaian oleh penyelaras / penyelia / pensyarah) Menyediakan Kertas Pertimbangan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) untuk kelulusan pergerakan / anjakan gaji PPP Mengeluarkan surat kelulusan pergerakan gaji / anjakan gaji kepada PPP dan salinan kepada Bahagian / Jabatan / IPG / JPN / tempat bertugas yang terlibat 	<p>Jabatan Bahagian Jabatan IPG Sekolah Universiti PPP</p>	<p>Dokumen berkaitan:</p> <ol style="list-style-type: none"> P.S.D. FORM (Performance) 6/93 Salinan Surat Kelulusan CBBP Salinan Keputusan Peperiksaan Salinan Surat Kelulusan Pelanjutan / Penyambungan Cuti Belajar <p>(Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/2002)</p>
